

18 NOV 2000

Singapura-Malaysia

BAKAL PEMIMPIN PERLU BERHUBUNG SECARA PERIBADI, KATA JAYAKUMAR

SINGAPURA, 18 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Singapura S.Jayakumar berkata bakal pemimpin dari Singapura dan Malaysia perlu terus berhubung antara satu sama lain bagi mengekalkan hubungan kerja yang erat.

"Diplomasi moden masih memerlukan pemimpin dari kedua-dua negara berhubung antara satu sama lain secara peribadi. Memang ada Internet dan teknologi moden tetapi faktor kemanusiaan adalah amat penting.

"Cabaran terbesar bagi kedua-dua pihak ialah memastikan pemimpin generasi baru seperti Lim Swee Says, Hishammuddin dan lain-lain menjalin hubungan kerja yang erat," kata beliau kepada sekumpulan wartawan Malaysia yang melawat republik itu baru-baru ini.

Beliau berkata kedua-dua negara dapat mengekalkan hubungan baik walapun kerana pemimpin dari kedua-dua pihak berhubung antara satu sama lain dari semasa ke semasa sambil menarik perhatian kepada hubungan antara Menteri Kanan Lee Kuan Yew dan pemimpin Malaysia seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Jayakumar berkata, mereka tidak harus membiarkan isu-isu tertentu menjejaskan hubungan sambil berkata beliau mempunyai hubungan kerja yang baik dengan beberapa pemimpin Malaysia termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dahulu pernah menjadi Menteri Luar.

Mengenai pakej isu-isu dua hala yang belum diselesaikan, Jayakumar berkata senario bagi perbincangan adalah baik berikutan pertemuan antara Lee dan Dr Mahathir apabila Lee melawat Malaysia pada Ogos lalu.

Tetapi beliau tida mahu meramalkan bila masalah itu akan diatasi.

Jayakumar berkata beliau bersetuju dengan pandangan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar bahawa media mempunyai peranan untuk dimainkan apabila timbul sesuatu isu.

Jayakumar berkata beliau mahu melihat pemimpin generasi muda dari kedua-dua negara membuat lawatan lebih kerap dan lawatan tidak cuma tertumpu kepada pegawai dan menteri kerajaan sahaja.

"Saya mahu melihat lawatan lebih kerap antara pelajar universiti dan wartawan," kata beliau.

Mengenai tanggapan bahawa Singapura terlalu rapat dengan Barat, Jayakumar tidak bersetuju sambil berkata pulau itu seperti juga Malaysia mempunyai dasar sendiri dan memperjuangkan kepentingan nasionalnya.

Beliau berkata Singapura menyifatkan Amerika Syarikat sebagai kuasa yang mengimbangi pengaruh di rantau itu dan Amerika Syarikat juga ialah rakan ekonomi dan strategik yang penting.

Tetapi itu tidak bermakna bahawa Singapura menerima bulat-bulat dasar-dasar Washington, kata beliau.

"Ada beberapa insiden Singapura bercanggah pendapat dengan Amerika Syarikat terutama mengenai undang-undang sambil menarik perhatian kepada hukuman rotan ke atas remaja rakyat Amerika Michael Fay kerana vandalisme walaupun dibantah oleh Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

TCL FAZ